

B579:

HUSSEIN-BEDAR ۹'۹'۹'

1981

KUALA LUMPUR, 29 JAN. (BERNAMA). — PERDANA MENTERI DATUK HUSSEIN ONN AKAN BERLEPAS KE LONDON SABTU INI UNTUK MENJALANI PEMBEDAHAN JANTUNG.

MENURUT KENYATAAN PELAYAT PERDANA MENTERI HARI INI PEMERIKSAAN YANG DIBUAT SEMASA BELIAU BERCUTI DI LONDON DISEMBER TAHUN LALU MENUNJUKKAN BAHAWA TERDAPAT PERGECILAN SALURAN DARAH.

BELIAU TELAH DISYORKAN UNTUK MENJALANI PEMBEDAHAN +CORONARY BY-PASS+ +BAGAIMANAPUN KEADAAN JANTUNG BELIAU ADALAH BAIK+, KATA KENYATAAN ITU.

+SETELAH BERUNDING DENGAN DOKTORNYA DAN PAKAR-PAKAR TEMPATAN DATUK HUSSEIN MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENJALANI PEMBEDAHAN ITU.+

DATUK HUSSEIN AKAN BERADA DI SEBERANG LAUT SELAMA KIRA-KIRA SEBULAN, MENURUT KENYATAAN ITU.

SEMASA BELIAU DI LUAR NEGERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD AKAN MEMANGKU JAWATAN PERDANA MENTERI DAN DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB MAHMUD MEMANGKU JAWATAN MENTERI PERTAHANAN. —
BERNAMA 1702/A1

B600:

HUSSEIN-PEMBEDAHAN 2 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA 579)

SEBELUM BERLEPAS KE LONDON KELAK, BELIAU AKAN MEMPENGE-RUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI PADA PAGI SABTU.

MESYUARAT ITU DIANTARA LAIN AKAN MEMBINCANGKAN PERSJAPAN UNTUK PERHIMPUNAN AGUNG PARTI PERTENGAHAN JUN INI.

SEMENTARA ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG KINI MENGE-TUAI PERWAKILAN MALAYSIA KE SIDANG PUNCAK KETUA-KETUA KERAJAAN NEGARA-NEGARA ISLAM DI TAIF, ARAB SAUDI DIDUGA KEMBALI KE TANAH AIR JUMAAT INI. — BERNAMA 1831/A1